

BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) WANITA : CABARAN DI MALAYSIA

Nur Izzati Liyana Binti Azizan^{1*}, Zaheruddin Bin Othman², Ruslan Bin Zainuddin³

¹ Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS), Universiti Utara Malaysia,

^{2&3} Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

Abstrak Pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) di tanah air kita memainkan satu peranan yang penting dan positif untuk mengekalkan kestabilan politik sejak kemerdekaan negara. Hal ini kerana NGO di Malaysia juga amat penting dalam penentuan bentuk demokrasi negara dan nasib rakyat jelata kerana NGO boleh memainkan peranan yang tidak dapat dimainkan oleh parti-parti politik. Namun begitu, penulisan ini bukan sahaja melihat kepada NGO secara keseluruhan tetapi lebih kepada penglibatan NGO wanita. Kini, wujud pelbagai cabaran bagi golongan wanita dimana golongan ini terpaksa menangani dan bertindak balas terhadap impak dan cabaran globalisasi yang mendatang. Dalam konteks ini usaha dibuat dalam penulisan ini untuk membincangkan mengenai NGO di Malaysia dan beberapa masalah serta cabaran yang perlu dihadapi oleh NGO khususnya NGO wanita.

Katakunci: Wanita, Cabaran, Non-Government Organisation (NGO)

1. Pengenalan

Pada masa kini, golongan wanita membentuk sejumlah 49.1 peratus daripada keseluruhan penduduk di Malaysia. Hasil pecahan daripada jumlah tersebut, 32 peratus adalah berumur di bawah 14 tahun, 63.3 peratus berumur di antara 15 sehingga 64 tahun dan seramai 4.7 peratus adalah di atas 65 tahun (Sharifah dan Rashila, 2012). Berdasarkan hal ini, terdapat pelbagai perkembangan positif dalam memperkasakan wanita terutamanya dalam bidang politik, pentadbiran serta kepimpinan. Selain tu juga,

Kewujudan NGO wanita adalah disebabkan kesedaran masyarakat

tentang hak-hak wanita merangkumi hak sama rata serta keadilan sosial dalam meningkatkan taraf hidup. Perkembangan ini dapat dilihat dengan wujudnya penglibatan wanita di dalam institusi kerajaan mahupun di dalam badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia.

Di Malaysia, menerusi Rancangan Malaysia ke-8, kerajaan turut mengambil inisiatif dalam memaksimumkan jumlah tenaga kerja wanita dalam semua sektor pekerjaan. Selain itu juga, pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat turut menggalakkan wanita supaya terlibat dengan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mengasah bakat kepimpinan dan seterusnya dapat

menyumbang di dalam aktiviti kemasyarakatan. Hal ini turut mendapat sambutan pihak kerajaan Negeri Sarawak melalui Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) yang berusaha membangunkan kaum wanita menerusi penglibatan terus dalam *NGO* (Buku Laporan Tahunan PPWS, 2001). Manakala, di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), usaha kearah menyediakan persekitaran kondusif bagi wanita turut dilaksanakan bagi memastikan penyertaan wanita yang lebih berkesan dalam pembangunan Negara (Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010).

2. Konsep Badan Bukan Kerajaan (*NGO*)

Penggunaan istilah Badan Bukan Kerajaan (*NGO*) bermula pada pertengahan abad ke-19. Namun, ia secara rasminya digunakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1945 (Willett, 2002). Penglibatan *NGO* dalam proses pembangunan politik dilihat amat penting sama ada menyokong atau mendesak kerajaan mengenai apa sahaja tindakan yang diambil oleh kerajaan dapat diimbangi jika masyarakat merasakan tindakan tersebut dibuat tidak memberi kebaikan kepada masyarakat serta dilaksanakan sewenang-wenangnya untuk kepentingan sebelah pihak sahaja.

Merujuk kepada Kamus Dwibahasa Oxford Fajar, 1990 '*Non*' bermaksud bukan dan '*Government*' ialah pemerintah atau kerajaan, manakala

'*Organization*' merupakan organisasi atau pertubuhan. Menurut Akta Pertubuhan 1966, sesebuah pertubuhan atau persatuan mengandungi keahlian seramai tujuh orang atau lebih bilangan ahlinya serta mempunyai tujuan-tujuan tertentu sama ada kekal atau sementara dan didaftarkan mengikut seksyen 7 (Akta Pertubuhan, 1966).

Walaupun tiada definisi tepat yang diterima umum tentang *NGO*, namun secara amnya terdapat empat ciri utama *NGO* tersebut. Ciri-ciri itu ialah bersifat sukarela, bukan kepartian, bukan bermatlamatkan keuntungan dan tidak menjalankan kegiatan jenayah. Salamon dan Anheier (1997), menggunakan tujuh ciri utama untuk mengenalpasti ciri-ciri *NGO* dan membezakannya dengan pertubuhan yang lain. Tujuh ciri tersebut ialah:

- i. *Formal* (iaitu berdaftar secara rasmi dan mempunyai peraturan-peraturan organisasi)
- ii. *Private* (iaitu mempunyai organisasi yang berasingan daripada Kerajaan)
- iii. *Non-profit distributing* (iaitu berbeza dengan objektif penubuhan organisasi perniagaan)
- iv. *Self-governing* (diurus secara persendirian)
- v. *Voluntary* (iaitu diusaha secara sukarela)
- vi. *Non-religious* (iaitu bukan bermotifkan dakwah)
- vii. *Non-political* (iaitu tidak terlibat secara langsung dalam mempromosi calon dalam pilihan raya).

Clarke dan Gerard (1998), turut menyatakan penggunaan beberapa istilah yang berbeza bagi merujuk *NGO* di sesebuah negara. Ini

termasuklah *Non-Profit Organisation (NPOs)*, *Private Voluntary Organisations (PVOs)* atau *Intermediate Organisations (IOs)* di Amerika Syarikat, *Voluntary Organisations (VOs)* atau '*charities*' di United Kingdom dan *Voluntary Agencies (Volagas)* di India.

Namun, istilah *NGO* memainkan peranan yang berbeza seperti mana di Amerika Latin dan daripada Asia. Hal ini kerana, *NGO* adalah berbeza mengikut konteks geografi dan sejarah. (Cleary, 1997). Di Malaysia, peranan *NGO* juga amat penting dalam penentuan bentuk demokrasi negara dan nasib rakyat jelata. *NGO* boleh memainkan peranan yang tidak dapat dimainkan oleh parti-parti politik kerana *NGO* merupakan satu kuasa *non-partisan*. *NGO* boleh menggunakan sifat *non-partisan* ini untuk menyatupadukan parti-parti politik yang menganut kepercayaan politik yang berlainan. Kadang-kadang rakyat merasa lebih selesa untuk berjuang bersama *NGO* kerana sifat *non-partisan* ini. Walau pun *NGO* bukan parti politik, tetapi mereka juga tidak boleh berpisah daripada prinsip tersebut. Hal ini kerana, *NGO* dilihat sebagai sebuah badan bukan kerajaan yang berjuang atas nilai-nilai sejagat seperti demokrasi, keadilan, kebebasan, kesaksamaan, setiakawan dan keamanan. Kesejahteraan rakyat juga merupakan matlamat muktamad mereka.

3. Kajian Lepas

Di Malaysia mahu pun di negara-negara lain, kajian mengenai *NGO* wanita sebahagian besar kajian-kajian tersebut bersifat preliminari dan

bersifat terdahulu. Beberapa kajian mengenai *NGO* wanita yang lebih khusus pernah dilakukan oleh Normala Othman (1998), Masniza Harun (2000) dan Wong Lily (2000) mengenai isu-isu wanita iaitu berkaitan perkahwinan, perceraian dan kekeluargaan di kalangan wanita Islam. Namun begitu Wong Lily di dalam kajiannya lebih menekankan masalah-masalah ibu tunggal khususnya dari segi ekonomi, emosi dan prosedur perceraian yang melibatkan *NGO* wanita PERTIWI.

Manakala Normala Othman serta Masmiza Harun turut menjalankan kajian mengenai badan bukan kerajaan wanita yang bertemakan perkahwinan dan perceraian namun kajian mereka melibatkan badan-badan tertentu seperti Pusat Khidmat Wanita dan juga Baitulmal. Jika dilihat kajian mereka masih dilihat umum kerana tiada perbincangan khusus tentang konsep-konsep dan teori-teori serta pendekatan-pendekatan yang khusus dalam mengkaji *NGO*.

Selain itu, beberapa kajian lain yang turut mengkaji mengenai *NGO* wanita ialah seperti Aslita Yusof (1996), Hi Siew Leng (1998) dan Betty Yeoh (2002). Kajian mengenai *NGO* wanita yang dikaji adalah *Woman's Aid Organisation (WAO)* dan *All Woman's Action Movement (AWAM)* dan hasil kajian yang dapat dilihat adalah mengenai isu-isu perjuangan hak-hak wanita di Malaysia.

Secara amnya, kajian-kajian wanita lebih tertumpu kepada aspek-aspek sosio-ekonomi, iaitu perkhidmatan terhadap wanita, kebajikan serta pendidikan. Kajian-kajian yang khusus

tentang NGO wanita, terutamanya dalam sistem politik Malaysia sememangnya masih sedikit.

Beberapa kajian mengenai pengaruh wanita *National Council of Women's Organisation (NCWO)* dalam mempengaruhi penggubalan dasar dan akta sememangnya pernah dilakukan oleh Rohani Nordin (1999) serta Nik Safiah Karim dan Makmor Tumin (2001).

Jika dilihat kajian-kajian mengenai gerakan berpesatuan, terutamanya yang melibatkan peranan parti-parti politik wanita telah wujud (Manderson, 1980; Wazir Jahan Karim, 1984; Dancz, 1987; Rashila Ramli dan Saliha Hassan 1998). Namun begitu, hampir semua kajian yang melibatkan pertubuhan-pertubuhan politik wanita di dalam kajian tersebut, tokoh wanita kerap berdepan dengan beberapa halangandan cabaran dalam mengetengahkan isu-isu wanita.

4. Cabaran

Terdapt pelbagai cabaran bagi golongan wanita pada masa kini dimana wanita terpaksa menangani dan bertindak balas terhadap impak globalisasi yang terdapat dalam persekitaran lokal, nasional, global dalam konteks kerangka gender (Rashila, 2008).

Selain itu, dalam masyarakat traditional peranan kaum wanita adalah terhad kepada peranan pembantu (*supporting role*) kepada kaum lelaki. Hal ini dapat dilihat daripada jenis-jenis tugas yang mereka lakukan. Cabaran-cabaran ini sedikit

sebanyak menyukarkan penglibatan wanita dalam bidang-bidang tertentu baik di dalam badan kerajaan mahupun badan bukan kerajaan. Namun, kini di dalam bidang politik dan pemerintahan status kaum wanita telah bertambah baik dan dalam perkembangan status mereka dilihat setara dengan lelaki. Hal ini dapat dilihat apabila kaum wanita diberikan hak mengundi seawal-awal usia penubuhan Negara Malaysia (Ainon Muhammad, 2001).

Menurut Rashila, 2008 di dalam jurnal *Pemeriksaan Wanita dalam Politik Malaysia* juga turut menyatakan cabaran-cabaran lain yang dihadapi wanita terutama dalam konteks globalisasi ini iaitu merangkumi beberapa aspek seperti pandangan masyarakat terhadap potensi wanita, ilmu pengetahuan, kekurangan jaringan serta masalah sumber dana.

5. Rumusan

Secara rumusannya, perbincangan ini telah menjelaskan peranan yang dimainkan oleh *NGO* dalam isu pembangunan politik Malaysia. Adalah jelas bahawa *NGO* sememangnya berperanan besar dalam memberi impak positif kepada negara. Usaha berterusan yang dijalankan oleh *NGO* khususnya *NGO* wanita telah menampakkan tanda-tanda kejayaan yang memberangsangkan. Kerajaan juga menyedari bahawa *NGO* wanita sebagai kuasa baru yang semakin meningkat dalam memperjuangkan hak kesejahteraan rakyat. Oleh itu, para wanita harus melihat peluang yang disediakan oleh kerajaan sebagai

salah satu medium yang boleh membantu untuk terus maju.

Rujukan

Akta Pertubuhan (1996). Pertubuhan Malaysia.

Ariffin, R. (1999, August). *Feminism in Malaysia: A historical and present perspective of women's struggles in Malaysia*. In *Women's studies international forum* (Vol. 22, No. 4, pp. 417-423). Pergamon.

Ariffin Suhaimi (2013). *Wabak Pluralisme*. Inteam Publishing, Kuala Lumpur.

Aurangzaib Alamgir (2015). *Muslim Women's Activism : A Comparative Study of The Educated Female Perception in Malaysia and Pakistan*. PhD Tesis, Universiti Malaya.

Clarke, Gerard (1998). *The Politics of NGOs In South East Asia, Participation and Protest in the Philippines*. London : Routledge.

Clarke, Gerard (1998). *NGO and Politcs in the Developing Countries*. Politics Studies, Vol 46. Issues 1, Maret.

Cleary,S, (1997). *The Roles of NGOs Under Authoritarian Rule*. New York. Macmillam Press

Dancz, V. H. (1987). *Women and party politics in Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), Kamus Dewan Edisi Ketiga, cetakan ke-7, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Sdn. Bhd.

Dewan Masyarakat (2006), Koleksi Kedah. Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.

Eldridge (2002). *The Politic of Human Right in Southeast Asia*. London. Routledge. Etzioni (1964), Modern Organization, Engelwood Cliffs, NJ: Prentice-Hall, 4.

Farawahida Mohd Yusaof & Nur Raihan Nordin (2008). *Pandangan Gerakan Islam Liberal Terhadap Hak Asasi Wanita*. Universiti Teknologi Mara, 1-2.

Freddan, Betty (1963). *The feminine mystique*. England : Penguin Books.

Kamus Dwibahasa (1990). Kuala Lumpur ; Dewan Bahasa dan Pustaka, Cet. Kelima

Makmor Tumin (1998). *NGO dalam sistem demokrasi Malaysia*, Massa, 16 Mei.

Makmor Tumin (2006). *Wanita di Malaysia : Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Nik Noraini Nik Badli Shah (2007). *Woman and Personal Status Under The Constitution*. Prosiding Persidangan Undang-undang Tuanku Jaafar. Anjuran Fakulti Undang-undang UKM (21-22 Ogos 2007).

- Nik Saida Suhaila Nik Salleh (2013). *The Women's Convention and Malaysia Law of Muslim Women's Rights : The Possibility of Harmonisation*, Tesis PhD Keele Universiti.
- Ramli, R., & Hassan, S. (1998). *Trends And Forms Of Women's Participation In Politics. Malaysian Women In The Wake Of Change*. Kuala Lumpur: Gender Studies Programme, Universiti Malaysia, 88-104.
- Rohani Nordin (1991). *Penyertaan Politik Wanita : Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita Dalam Pembangunan*. Universiti Malaya.
- Salamon & Anheier (1997). *The John Hopkins Comparative Non Profit Sector Project*. Project Paper. The John Hopkins University, Institute for Policy Studies, 9.
- Saliha Hassan. 1991. *Organisasi bukan Kerajaan dalam Politik Malaysia*, Dlm, Hairany Naffis (pnyt). Politik Malaysia dekad 1990-an. Prosiding Seminar Politik Malaysia ke-IV. Bangi: Jabatan Sains Politik UKM.
- Saliha Hassan. 2002. *Political Non-Governmental Organizations: Ideal and Realities* Dlm Francis Loh Kok Wah dan Khoo Boo Teik (pnyt). Democracy in Malaysia: Discourse and Practices . London: Curzon.
- Sharifah Zaleha (2000). *Reformasi Keagamaan dan Citra Wanita dalam Sastera: Satu Intrepetasi*. Dlm. Ahmad Kamal Abdullah & Siti Aisah Murad : Citra Wanita Dalam Sastera Melayu 1930-1990. Kuala Lumpur ; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tilly, C. (1978). *From mobilization to revolution* (p. 143). New York: McGraw-Hill.
- Willets, P (2002). *What is a NGO*. Article 1.44.3.7 in UNESCO Encyclopedia of Life Support System. World Bank.
- Zakuan, U. A. A., & Nurullah, A. S. (2007). *The Status of Muslim Women in Contemporary Societies: Realities and Prospects*. Intellectual Discourse, 15(2).